

Permit lombong pasir dibekuk

Menteri Besar arah PTG, JAS pantau kegiatan kuari untuk mengelakkan daripada cemari alam sekitar

Oleh Ahmad Naim Tahir

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan membekukan pengeluaran permit melombong pasir di seluruh negeri ini berkuat kuasa serta-merta, manakala status permit sedia ada akan dikaji semula ketika proses pembaharuannya dikemukakan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata keputusan itu merangkumi semua pemilikan tanah, sama ada milik kerajaan atau persendirian bertujuan mengelak risiko akibat kerja

perlombongan itu kepada alam sekitar dan orang ramai.

"Akibat kerja melombong pasir, ada lombong yang digali sedalam 70 hingga 80 meter sehingga tahap kedalaman-nya melebihi dasar sungai. Ia kemudian ditinggalkan begitu saja apabila semua hasilnya dikeluarkan.

"Keadaan ini boleh menjejaskan struktur muka bumi apabila berlaku pergerakan pasir bawah tanah dan boleh mengakibatkan bencana," katanya, selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri, di sini.

Beliau berkata, lubang yang terbentuk daripada kesan perlombongan akan ditinggalkan begitu saja oleh pemegang permit kerana tiada peraturan mewajibkannya ditimbus.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri mengambil keputusan membekukan permit berkenaan, manakala pembaharuan permit sedia ada akan dikaji atas dasar kes demi kes sebelum keputusan sama ada meluluskannya dibuat.

Ditanya sama ada keputusan itu boleh menjejaskan industri pembinaan, Mohamad berkata, bekalan pasir untuk

sektor terbabit di negeri ini selama ini melebihi permintaan.

"Selama ini, pasir sungai yang dikeluarkan di negeri ini turut dibekalkan ke luar. Jadi, kita tidak nampak akan ada masalah dalam sektor pembinaan dengan keputusan membekukan permit baru perlombongan pasir," katanya.

Menteri Besar berkata, agensi berkaitan seperti Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga diminta memantau operasi kuari di seluruh negeri ini bagi memastikannya tidak berisiko kepada alam sekitar.

“Agensi yang terbabit dalam hal ini diarahkan pantau semua lombong pasir sedia ada agar mudah buat keputusan apabila pembaharuan permit diterima”

Mohamad Hasan
Menteri Besar Negeri Sembilan